

Perumpamaan

Bagai ayam disambar helang	orang yang hilang dengan tiba-tiba
Bagai bulan dipagar bintang	kecantikan gadis yang tiada bandingannya
Bagai isi dengan kuku	persahabatan yang sangat erat
Bagai kacang lupakan kulit	orang yang tidak tahu mengenang budi
Bagai kumbang putus tali	lari segera apabila terlepas daripada kesusahan
Bagai menatang minyak yang penuh	memelihara anak dengan penuh kasih sayang
Bagai pinang dibelah dua	pengantin yang sama cantik dan sama padan
Seperti abu di atas tunggul	kedudukan yang tidak tetap atau tidak terjamin, boleh dihalau pada bila-bila masa sahaja
Seperti api di dalam sekam	perbuatan jahat yang tersembunyi
Seperti aur dengan tebing	kerjasama yang erat antara dua pihak
Seperti belanda minta tanah	orang yang tamak
Seperti bumi dengan langit	perbezaan yang amat besar
Seperti cicak makan kapur	orang yang berasa malu kerana kesalahan sendiri
Seperti cincin dengan permata	sepasang pengantin yang sama cantik dan sama padan
Seperti embun di hujung rumput	kasih sayang yang tidak kekal abadi
Seperti gergaji dua mata	orang yang suka mencari faedah daripada dua pihak yang bermusuhan
Seperti harimau menunjukkan belangnya	menunjukkan sifat sebenarnya setelah lama berdiam diri
Seperti hujan jatuh ke pasir	nasihat yang tidak dihargai atau sesuatu kerja yang sia-sia sahaja
Seperti kaca jatuh ke batu	berasa amat sedih
Seperti katak di bawah tempurung	orang yang cetek pengetahuan
Seperti kera mendapat bunga	orang yang tidak tahu menghargai pemberian orang lain

Seperti orang buta kehilangan tongkat	orang yang dalam kesusahan itu akan bertambah susah lagi apabila dia kehilangan tempat dia bergantung
Seperti punggung rindukan bulan	mengharapkan sesuatu benda yang tidak akan diperolehi
Seperti rumput di tepi jalan	keadaan hidup yang susah
Seperti rusa masuk kampung	orang yang tercengang-cengang apabila masuk ke sesuatu kawasan baru
Seperti ular kena palu	sesuatu yang bengkok-bengkok